SOALAN NO: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH: 13 MAC 2018

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bila Kerajaan akan melaksanakan kaedah 'G to G' bagi mengelak lambakan pekerja asing yang terus dijana oleh ketamakan syarikat dan agensi swasta yang mengendalikan pengambilan pekerja asing.

PR-1361-L04585

147.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan sentiasa proaktif dalam usaha memastikan keberkesanan dasar pengurusan dan perundangan pekerja asing negara. Kerajaan ingin menegaskan bahawa pengambilan pekerja asing sentiasa dipantau oleh Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri bersama agensi-agensi kawal selia yang berkaitan mengikut sektor bagi memastikan proses pengambilan pekerja asing dilakukan secara telus dan terkawal sekali gus menyangkal tuduhan penglibatan syarikat-syarikat dan agensi swasta yang bermotifkan keuntungan dalam isu pekerja asing ini.

2. Kaedah G to G merupakan salah satu kaedah yang dilaksanakan bagi pengambilan pekerja asing. Walau bagaimanapun, kaedah lain di bawah Memorandum Persefahaman (MOU turut dilaksanakan tertakluk kepada persetujuan antara kedua-dua negara. Selain itu, pelbagai pembaharuan turut dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memantapkan aspek pengurusan pekerja asing, di antaranya adalah seperti berikut:

(i) mewujudkan sistem atas talian (*on-line*) permohonan pekerja asing di bawah kendalian dan pemantauan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri;

(ii) menetapkan permohonan pekerja asing hanya boleh dibuat oleh majikan sekali gus menidakkan penglibatan agensi swasta. Permohonan hanya akan diproses untuk majikan-majikan yang berkeupayaan, *genuine*, dan mematuhi standard perburuhan seperti pematuhan gaji minimum, menyediakan kemudahan kediaman berserta kemudahan asas dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja akan dipertimbangkan untuk memohon pekerja asing. Keupayaan majikan ditentukan melalui proses saringan dan pemeriksaan Jabatan Tenaga Kerja dan agensi kawal selia;

(iii) pelaksanaan Surat Aku Janji Majikan (*Employers Undertaking*) mulai 1 Januari 2017 yang menuntut supaya majikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja asingnya bermula dari peringkat kemasukan, penggajian sehinggalah penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asal; dan

(iv) mengadakan MOU antara Kerajaan seperti Bangladesh, Kemboja, Sri Lanka dan Vietnam yang telah menetapkan rangka kerja proses pengambilan dan penggajian sehinggalah pekerja dihantar pulang. MOU tersebut turut merangkumi tanggungjawab majikan, pekerja dan agensi pekerjaan swasta termasuk tanggungjawab Kerajaan

149

Malaysia dan Kerajaan Bangladesh (khusus untuk mekanisme *G to G Plus*)